

03/08/2003

'Kaedah timbang tara diguna ikut peruntukan'

Azman Mahmood

PASIR MAS: Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, berkata masa untuk bercakap dan berunding mengenai isu air sudah berakhir.

"Kita mahu diadakan arbitrase (timbang tara) antara Malaysia dan Singapura seperti diperuntukkan dalam perjanjian di mana jika ada pertelingkahan yang tidak dapat diselesaikan, kita gunakan kaedah itu," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kelmarin, semua pintu rundingan berhubung penetapan harga air yang dijual Malaysia kepada Singapura sudah tertutup dan isu itu perlu diselesaikan menerusi proses timbang tara.

Mustapa berkata, MTEN juga sedia menerbit dan mengedarkan lebih banyak lagi buku kecil yang menjelaskan kedudukan sebenar isu itu dengan Singapura.

"(Soal rundingan) kerajaan telah buat keputusan dan saya yakin bahawa tindakan sewajarnya akan diambil untuk melaksanakan keputusan kerajaan itu," katanya selepas merasmikan Program sehari waja diri bersama masyarakat dan menyaksikan persembahan silat, berhampiran pintu besar lintasan kereta api, di sini, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata MTEN sudah mengedar dan menjual buku kecil mengenai isu air dengan mendedahkan fakta jelas terhadap apa yang ditanggung dan kerugian dialami negara, di samping menyiarkan iklan mengenainya.

Katanya, peringkat awal MTEN mengedar dan menjual buku itu sekitar Lembah Klang yang kemudian ke seluruh negara termasuk menghantar kepada Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan pegawai kerajaan.

Katanya, menerusi buku kecil itu yang dijual tiga sen senaskah, seluruh rakyat termasuk di Kelantan akan mengetahui apa sebenarnya yang menjadi pertikaian dengan Singapura mengenai isu air.

"Fakta tidak berubah (dalam buku kecil yang dijual), kita sudah pun didedahkan (termasuk disiarkan dalam iklan).

"Cuma yang kita nak buat (langkah seterusnya) ialah jika ada permintaan kita akan menerbitkan lebih banyak lagi buku ini," katanya.

Malaysia bulan lalu menerbitkan iklan dan buku bagi menjelaskan kedudukan sebenar isu itu termasuk kos dan kerugian ditanggung negara berikutan penjualan air kepada Singapura pada kadar tiga sen bagi setiap 1,000 gelen.

Singapura sebelum itu bertegas bahawa Malaysia tiada hak untuk mengkaji semula harga air dengan alasan negara ini gagal berbuat demikian pada 1986 dan 1987, 25 tahun selepas dua perjanjian air ditandatangani iaitu pada 1961 dan 1962.

Bagaimanapun, Fasal 17 Perjanjian Air 1961 dan Fasal 14 Perjanjian Air 1962 menyatakan bahawa harga air "adalah tertakluk kepada kajian semula selepas tamat tempoh 25 tahun".

Dalam perkembangan lain Mustapa berkata, Badan Perhubungan Umno negeri memberi perhatian serius kepada usaha mengembang dan mengembalikan kegemilangan kegiatan seni dan budaya Kelantan.

Katanya, langkah itu diambil berikutan Kerajaan Pas Kelantan gagal memberi perhatian dan pembelaan sewajarnya kepada kegiatan dan kumpulan penggiat seni dan budaya di negeri ini.

"Ketika ini peruntukkan seni dan budaya (di Kelantan), saya difahamkan

tidak berapa mencukupi. Oleh kerana budaya satu aspek penting dalam memajukan bangsa, ia perlu diberi perhatian serius.

"Kelantan adalah pusat pelbagai kegiatan seni dan budaya, dikenali sebagai negeri `gedung budaya' tetapi tidak mendapat pembelaan kerajaan negeri.

"Oleh itu, Kerajaan Pusat akan memastikan peruntukkan lebih diberikan kepada program budaya di Kelantan, kalau tidak beberapa budaya yang kita amalkan sebelum ini akan pupus," katanya.